

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 26 RABU 6 OKTOBER, 1965 1385 رابو 11 جمادالخير PERCHUMA

D.Y.M.M. MELETAKKAN BATU ASAS

*Pemangku
Menteri Besar
Brunei*

BANDAR BRUNEI. — Dengan perkenan Kabawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, maka mulai dari 1 Oktober, 1965 Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Setia Usaha Kerajaan Brunei, telah di-lantek menjadi Pemangku Menteri Besar Brunei pada masa Yang Amat Berhormat Menteri



Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Besar Brunei, Dato Seri Paduka Marsal bin Maun berchuti kerana kesehatan beliau.

PEMANGKU S.U.K.

Pada masa tersebut, Yang Mulia Awang Mohamed Taib bin Awang Besar, Penolong Setia Usaha Kerajaan di-lantek memangku jawatan sa-bagai Setia Usaha Kerajaan.

PEMANGKU PENOLONG S.U.K.

Yang Mulia Awang Sunny bin Ahmat pula telah di-lantek menjadi Pemangku Penolong Setia Usaha Kerajaan pada masa tersebut juga.

BANGUNAN D.B.P. DAN JABATAN P.P. BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan bertitah bahawa niat dan chita2 Kerajaan ia-lah hendak mengusahakan dengan sa-berapa daya upaya yang boleh menjadikan Negeri Brunei Darussalam ini sa-buah negara yang aman tenteram yang membawa kemajuan laila ma'mor dalam segala lapangan.

Duli Yang Maha Mulia telah bertitah sa-demikian sa-belum Baginda meletak Batu Asas Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan pada pagi hari Rabu 29 September, 1965.

Titah ucapan Baginda dengan sa-penoh-nya ada-lah saperti berikut:

"Alhamdullillah dengan taufik dan hidayat Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan limpah rahmat kemurahan-nya saya dapat hadir bersama2 di-dalam Majlis Upacara Meletakkan Batu Asas Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka dan bangunan Jabatan Penyiaran dan Penerangan yang akan menghulorkan laila mengeluarkan faedah bantuan pada menambahkan ilmu pengetahuan, ya'ani sa-bagai mithal-nya menambah mata bacaan dan pengetahuan.

Dari itu, beta mengharapkan atau saya mengharapkan dengan menghadapkan sa-tinggi2 keshukoran ka-hadzrat Allah Subhanahu Wata'ala di-atas rahmat-nya itu. Dan juga saya menguchap salawat kapada Junjongan Kita Nabi Muhammad s.a.w., dan menjunjung shafa'at-nya. Saya menguchapkan terima kaseh kapada kedua2 Pengarah Jabatan ini yang sudi menjemput saya untuk meletakkan batu asas bagi bangunan ini dan memberikan sapatah dua tiga ucapan di-majlis ini.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini sedang menyempurnakan upacara meletakkan Batu Asas Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei pada pagi hari Rabu 29 September, 1965.

saya dengan amat sukachita mengambil peluang beruchap untuk mengambil sempena di-upacara yang berbahagia pada hari ini.

Saya suka juga menyatakan bahawa niat dan chita2 Kerajaan saya hendak mengusahakan ia-itu ya'ani chita2 Kerajaan saya hendak mengusahakan dengan sa-daya upaya yang boleh untuk menjadikan negara kita Brunei Darussalam ini sa-buah negara yang aman tenteram yang membawa kemajuan laila ma'mor dalam segala lapangan.

Untuk mencapai maksud ini, beberapa usaha telah di-jalankan. Terdiri-nya Dewan Bahasa dan Pustaka pada mengusahakan perpaduan jiwa ra'ayat menggalakkan kerjasama dan dengan jalan hubungan laila bahasa berbaik2

(Lihat muka 4)



Bahasa Itu Sangat Penting Di-Sisi Sesuatu Bangsa dan Negara

— KATA Y.B. DATO PADUKA AWANG HAJI JAMIL

BANDAR BRUNEI. — Biar beberapa mahal pun belanja yang di-gunakan untuk membena bangunan ini, biar berapa indah pun rupa-nya, biar beberapa kelengkapan pun di-sediakan di-dalam-nya, biar beberapa usaha dan ikhtiar pun di-jalankan untuk-nya, chita2 Kerajaan hendak menggunakan Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi itu tidak akan terchapai, jika tidak dengan kerjasama ra'ayat2 dan penduduk2 negeri ini, terutama pemimpin2, Ketua2 Jabatan2 Kerajaan yang bertanggung jawab mengarahkan pegawai2-nya, Pegawai2 Kerajaan, ahli2 perniagaan dan lain2 serentak mendokong chita2 kerjasama ra'ayat dan penduduk2 negeri ini, terutama pemimpin2, Ketua2 ini dan sentiasa berusaha dan berikhtiar menayakan-nya dari satu masa ka-satu masa. Maka kerjasama yang sa-demikian sangat2 di-harapkan. Demikian antara-nya kata Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil telah melafadzkan kata2 tersebut ketika beliau berucap di-majlis meletakkan Batu Asas Bangunan D.B.P. Brunei dan Jabatan P.P. Brunei pada pagi hari Rabu 29 September, 1965.

Oleh sebab perkara tersebut, beliau telah mengambil peluang pada hari yang bersejarah itu menyeru kepada mereka yang berkenaan supaya menyedari dan memberi bantuan yang sa-penoh2-nya kepada Kerajaan untuk mengamalkan pemakaian Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Rasmi negeri ini, supaya berjaya dan gunakan-lah bangunan yang akan dibangunkan itu dengan sa-penoh2-nya untuk mendapat faedah2 yang boleh di-dapati daripada-nya untuk menayakan Bahasa Melayu itu yang menjadi Bahasa Rasmi negeri ini.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil berkata, "Bahasa itu ada-lah sa-suatu perkara yang sangat penting di-sisi sa-suatu bangsa dan negara. Sa-suatu negara itu tidak akan dapat hidup dengan sempurna, jika tidak mempunyai bahasa-nya sendiri kerana bahasa itu menjadi sa-bagai satu alat untuk menyatu padukan ra'ayat dan penduduk sa-suatu negeri itu.

Kerana, dengan mengadakan Bahasa Kebangsaan yang satu, menjadi Bahasa Rasmi yang satu, menggunakan Bahasa yang satu, fikiran2, pendapat2, perasaan2, dapat di-salurkan melalui bahasa yang satu itu dan akan menimbulkan kesan untuk menjadikan saling mengerti antara satu sama lain yang mana akan mempereratkan persatuan hati yang bulat bertumpu kepada Berbahasa Satu, Berbangsa Satu dan Bernegara Satu.

Sebab itu-lah Kerajaan telah mengambil perhatian berat dan menjadikan bahasa itu satu daripada Undang2 di-dalam Undang2 Perlembagaan 1959 dalam bab 82 (1) ia-itu Bahasa Rasmi Negeri ini ia-lah Bahasa Melayu.

Selanjut-nya Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil berkata bahawa untuk menjadikan Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Rasmi negeri itu hidup, berkembang, subur dan di-Chintai oleh ra'ayat dan penduduk negeri ini dan menayakan maksud2 undang2 tersebut, maka Kerajaan telah menjalankan berbagai2 usaha dan ikhtiar sa-hingga satu Jabatan Khas di-dirikan dengan dinamakan Dewan Bahasa dan Pustaka yang bertugas:

- (1) Berusaha dan berikhtiar untuk memperkemabangkan dan meninggikan Bahasa Melayu;
- (2) Mensesuikan pemakaian Bahasa Melayu yang telah di-jadikan Bahasa Rasmi negeri ini mengikut kehendak dan semangat Perlembagaan sa-bagai mana yang di-persharatkan oleh bab 82 (1) dari Perlembagaan;
- (3) Mengeluarkan atau menentukan pengeluaran buku2;
- (4) Menyatu padukan ejaan2 dan sebutan2 dan mengadakan perkataan2 teknikal dalam bahasa Melayu dan
- (5) Menggalakkan orang2 yang ber-

kebolehan dalam mempelajari Bahasa Melayu (Bahasa Rasmi).

Sa-terus-nya Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil berkata bahawa sejak mula Bahasa Melayu telah menjadi Bahasa Rasmi negeri ini, shukor-lah juga kita kepada Tohan, nampak-nya sambutan dari orang ramai terhadap pemakaian Bahasa Melayu dari satu masa ka-satu masa sa-makin bertambah2, baik Pegawai2 Kerajaan, mahu pun orang2 yang bekerja di-sharikat2 perniagaan, nampak-nya mereka telah menyedari bahawa Bahasa Melayu ada-lah Bahasa Kebangsaan negeri ini dan Bahasa Perpaduan ra'ayat negeri ini.

Perkara ini dapat di-buktikan dengan terang-nya pada masa sambutan

Bulan Bahasa Kebangsaan pada tahun Masehi 1962, orang ramai telah mengambil perhatian berat.

Orang ramai telah datang berkumpul membanjiri Padang Besar Bandar Brunei untuk menyokong gerakan itu.

Sungguh pun Bulan Bahasa Kebangsaan itu telah selesai, tetapi pemakaian Bahasa Melayu itu terus menerus. Dari satu masa ka-satu masa ada saja perubahan yang di-dapati.

Di-kedai2 dan bangunan2 perniagaan nampak-nya nama2 sharikat itu boleh di-katakan hampir2 di-tulis dalam bahasa Melayu. Orang2 yang mempelajari Bahasa Melayu pun tidak ketinggalan.

Ini menandakan mereka telah faham bahawa Bahasa Melayu itu (Lihat Muka 7)

KOLERA:

20 BUAH MAKTAB2 DAN SEKOLAH2 MASEH DI-TUTOP

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak 20 buah Maktab2 dan Sekolah2 Melayu, Inggeris dan China di-Daerah Brunei dan Temburong telah di-tutup semenjak 28 September, 1965 oleh kerana berlaku-nya wabak kolera di-Negeri Brunei.

Maktab2 dan Sekolah2 tersebut ada-lah seperti berikut:

Maktab Perguruan Melayu Brunei, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.

Sekolah Menengah Chung Hwa, Sekolah Misi Saint George's, Sekolah Misi Saint Andrew's, Sekolah Melayu Lela Menchanai, Kampong Ayer, Sekolah Melayu Sungai Kebun, Sekolah Melayu Pintu Malim.

Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Kampong Burong Pingai, Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakii, Kilanas, Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok, Sekolah Melayu Gadong, Brunei, Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut.

Sekolah Melayu Delima I, Berakas, Sekolah Melayu Lumapas, Brunei, Sekolah Melayu Anggrek Desa, Berakas dan Sekolah Melayu Pulau Berbunut, Daerah Temburong.

Sementara itu, menurut satu Pengu-muan Jabatan Pelajaran, Maktab2 dan Sekolah2 tersebut yang di-jadualkan di-buka pada hari Isnin 4 Oktober, 1965 maseh di-tutup lagi.

Tarikh pembukaan Maktab2 dan Sekolah2 tersebut akan di-umumkan pada hari Sabtu 9 Oktober.

40 Orang Pulis Brunei Berlateh Di-Malaya

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 40 orang rekrut2 baru Pulis Di-Raja Brunei telah berlepas ka-Labuan dengan Kapal "Bolkiah" pada hari Isnin yang lalu dalam perjalanan mereka ka-Malaya untuk menjalani latihan.

Mereka akan berlateh di-Pusat Latihan Pulis Diraja Malaysia di-Kuala Lumpur sa-lama kira2 9 bulan.

Dalam perjalanan ka-Kuala Lumpur mereka telah di-ketuai oleh Sgt. Joseph Yong.

Di-Tambatan Kastam Di-Raja, banyak sanak saudara mereka termasuk juga Timbalan Pesuruhjaya Pulis Di-Raja Brunei, Pengiran Dato Pahlawan Jaya telah mengucapkan "Selamat Belayar" kepada mereka.



Y.T.M. Pengiran Anak Puteri Masna kelihatan dalam gambar ini sedang membaca ayat2 suci al-Quran di-istiadat khatam al-Quran bagi puteri Diraja itu di-Istana Darul Hana baharu2 ini.

Pepereksaan Trengkas, Menaip Dan Ilmu Menyimpan Kira2 1965

Pepereksaan yang tersebut di-atas, yang di-anjorkan oleh Trengkas Melayu Institute (Malaysia) dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Brunei, akan di-adakan pada 12 Disember, 1965, hari Ahad dengan Jadual2 seperti berikut: —

Pepereksaan

- (a) Trengkas
- (b) Menaip
- (c) Ilmu Menyimpan Kira2 (Book Keeping)

Waktu

- | | |
|-----------|-------------|
| Mulai jam | 2-00 petang |
| " " | 9-00 pagi |
| " " | 9-00 pagi |

Tempat pepereksaan akan di-atorkan dan di-umumkan kemudian.

Bayaran memasoki pepereksaan tersebut ada-lah seperti berikut: —

- (a) Trengkas

Tingkatan	Bayaran
Permulaan	\$10.00
Menengah	\$10.00
Tertinggi	\$15.00
Permulaan	\$10.00
Menengah	\$10.00
Tertinggi	\$15.00
Permulaan	\$15.00
Menengah	\$15.00
Tertinggi	\$20.00

- (b) Menaip
- (c) Ilmu Menyimpan Kira2 (Book Keeping)

Pepereksaan Bahasa Melayu Untuk Orang2 Yang Bukan Melayu

BANDAR BRUNEI. — Pepereksaan Bahasa Melayu untuk orang2 yang bukan Melayu akan di-jalankan pada 6, 7 dan 8 Disember, 1965 ia-itu bagi Tingkatan2 Permulaan, Satu, Dua dan Tiga.

Pepereksaan ini terbuka kepada orang2 yang bukan Melayu yang belajar di-kelas2 dewasa anjoran Jabatan Pelajaran Brunei.

Sharat2 memasoki pepereksaan ini ada-lah sa-bagai berikut:—

- i. Chalun2 itu ia-lah sa-orang pelajar kelas dewasa; dan mempunyai kedatangan persekolahan yang memuaskan.
- ii. Chalun2 hendak-lah mendaftarkan nama-nya dengan mengisi borang yang di-sediakan melalui guru yang meng-

ajar dan mendapat sokongan mengenai kebolehan-nya dari-pada guru2 tersebut.

iii. Chalun2 yang hendak memasoki pepereksaan Tingkatan III hendak-lah telah lulus dalam pepereksaan Tingkatan II dan demikian juga chalun2 yang hendak memasoki pepereksaan Tingkatan II hendak-lah telah lulus dalam pepereksaan Tingkatan I.

Memasoki pepereksaan ini tidak dikenakan bayaran.

Tempat2 pepereksaan di-jalankan:

- i. Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah (R.I.F.) atau Bangunan Baru Sekolah Melayu SMJA — untuk chalun2 di-Bandar Brunei.
- ii. Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin — untuk chalun2 di-Kuala Belait.
- iii. Sekolah Melayu Muhd. Alam — untuk chalun2 di-Seria.

Perkara2 yang akan di-pereksa:—

A. Tingkatan Permulaan dan Tingkatan Satu:—

- i. Bachaan Rumi.
- ii. Renchana Rumi.
- iii. Soal Jawab di-Mulut.
- iv. Bahasa dan Memahami Karangan.
- v. Karangan dan Surat Kiriman.

B. Tingkatan Dua dan Tiga:

- i. Bachaan Rumi.
- ii. Renchana Rumi.
- iii. Bachaan Jawi.
- iv. Renchana Jawi.
- v. Karangan dan Surat Kiriman.
- vi. Bahasa.
- vii. Memahami Karangan.
- viii. Soal Jawab di-Mulut.

Jadual waktu mengenai pepereksaan ini akan di-umumkan kemudian.

Pendaftaran kerana masuk pepereksaan ini akan di-mulakan dari sekarang dan di-tutup pada 10 Oktober, 1965.

Sharahan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan melawat ka-tempat2 di-bawah ini pada hari Juma'at 8 Oktober, 1965 untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam —

(a) Mulai jam 11 pagi ka-jam 12-30 tengah hari di-Masjid Bukok, Temburong.

(b) Mulai jam 11 pagi ka-12-30 tengah hari di-Masjid Panchor Murai, Brunei.

Orang ramai lelaki dan perempuan, ada-lah di-jemput hadir di-majlis2 tersebut untuk mendengarkan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam kita yang maha suci.

Jawatan Kosong:

BIDAN DI-KHEMAH BERAKAS A.M.D.B.

Permohonan2 ada-lah di-pela-va dari mereka yang menjadi rayat D.Y.M.M. Al-Sultan yang berhak bagi di-daftarkan sebagai rayat Al-Sultan untuk memenohi jawatan kosong sebagai Bidan dalam Askar Melayu Diraja Brunei, Khemah Berakas, Brunei.

Kelayakan2:

Mesti-lah mempunyai pengalaman sebagai bidan yang berkelayakan selama dua tahun.

Sukatan Gaji:

Dalam sukatan \$183x7 - 211 - 220x10x - 260 - 280 - 290 - 300.

Kemudahan2:

Tempat kediaman, pakaian2 seragam dan dhobi perchuma akan di-sediakan.

Permohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Oktober, 1965.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 6 Oktober hingga ka-hari Selasa 12 Oktober, 1965 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
6	12-15	3-33	6-16	7-31	4-34	4-49	6-06	6-06
7	12-14	3-32	6-15	7-30	4-34	4-49	6-06	6-06
8	12-14	3-32	6-15	7-30	4-34	4-49	6-06	6-06
9	12-14	3-32	6-14	7-29	4-34	4-49	6-06	6-06
10	12-14	3-32	6-14	7-29	4-34	4-49	6-06	6-06
11	12-13	3-31	6-13	7-28	4-34	4-49	6-06	6-06
12	12-13	3-31	6-13	7-28	4-34	4-49	6-06	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Pengurusi, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei sa-hingga jam 4-00 petang pada hari Ithnin 11 Oktober, 1965 bagi:—

MENGADAKAN: (1) 10 UNITS 7-TON TIPPER TRUCK; (2) 2 UNITS MOTORISED SCRAPER MUATAN 14 KA 20 ELA ISI PADU C.I.F., BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

3. Butir2 kenyataan boleh dilihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Jabatan Kerja Raya, Brunei semasa masa kerja.

4. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidak

lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurusi, Lembaga Tawaran di-Jabatan Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya:

"MENGADAKAN: 10 UNITS 7-TON TIPPER TRUCKS DAN 2 UNITS MOTORISED SCRAPER,

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sebarang tawaran.



Pasokan P.M.K.T. telah mengalahkan G.P.P.S. dalam Perlawanan Akhir Bola Sepak 6 orang sa-pasokan dengan 1 gol tidak berbalas. Perlawanan bola sepak itu telah di-langsungkan di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada petang 24 September, sa-bagai menyambuat Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan. Gambar ini di-ambil sa-belum perlawanan bola sepak itu di-jalankan.

Di-Tangan Ahli2 Penchinta Bahasa-Lah Di-Letakkan Harapan Untuk Mengisi Jambangan Sastera Tanah Ayer — Kata Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun berkata di-Majlis Meletakkan Batu Asas Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei pada pagi hari Rabu yang lalu bahawa pehak Kerajaan ada-lah sentiasa mengambil perhatian atas langkah2 untuk melaksanakan beberapa rancangan kemajuan di-negeri ini.

Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan ini di-ujudkan ada-lah satu daripada rancangan Kerajaan untuk memberi kemudahan2 yang lebeh luas lagi dalam menunaikan tugas masing2 dan ini ada-lah merupakan sa-bagai satu tangga kapada satu matalamat yang di-maksudkan, kata beliau.

Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal di-majlis tersebut, beliau berkata bahawa 29 September, 1965 ia-lah hari yang bersejarah — bersejarah kerana lahirnya Perlembagaan Negeri Brunei dan hari ini juga kita menjalankan upacara meletakkan Batu Asas dan Pustaka dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

"Ini ada-lah sa-bagai mengambil sempena memperingati kembali genapnya usia ulang tahun yang keenam Hari Perlembagaan Negeri Brunei kita.

Semoga di-hari yang bertuah dan bersejarah itu akan berkat-lah hendak-nya segala usaha dan chita2 kita untuk melaksanakan tugas2 yang tertentu dalam menempoh satu lagi peringkat kemajuan", kata Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal.

Seterusnya beliau berkata, "Bangunan yang akan di-dirikan ini, bukan-lah semata2 merupakan sa-buah bangunan yang indah, tetapi yang lebeh utama kedua jabatan ini ada-lah mempunyai tugas2 dan tanggung-jawab yang besar kapada Kerajaan dan ra'ayat negeri ini yang sangat2 berkehendakkan kemudahan2 yang sesuai untuk menyenangkan kedua jabatan ini menyampaikan khidmat-nya kapada negara dan bangsa.

Semoga dengan siapnya bangunan ini kelak, maka dapat-lah di-jadikan alat atau pusat bagi semua Jabatan2 Kerajaan untuk mengeluarkan segala penerangan2 yang berhubung dengan kerja2 yang di-jalankan oleh Jabatan itu untuk orang ramai, baik berupa pengetahuan, pelajaran dan pendidikan.

Sa-telah bangunan baru Jabatan Penyiaran dan Penerangan terditi nanti, kita berharap semoga penyiaran dan penyiaran sesuatu perkara yang mustahak di-ketahui oleh ra'ayat negeri ini akan dapat di-jalankan dengan bertambah2 memuaskan dan berhasil.

Dan mudah2an Jabatan Penyiaran dan Penerangan ini akan merupakan sa-bagai satu alat perantaraan untuk menyampaikan PENGERTIAN BAIK kapada seluruh ra'ayat di-negeri ini dan dengan ini ada-lah di-harapkan semoga ra'ayat di-negeri ini akan memperolehi kesan2 yang ber-

faedah dari siaran2 dan penerangan2 yang di-keluarkan itu.

Untuk mendukung chita2 dan dasar Kerajaan memperkembangkan Bahasa Melayu, maka pehak Kerajaan telah berusaha mendirikan Dewan Bahasa dan Pustaka, dan di-bangunkan pula satu bangunan khas untuk di-jadikan sa-bagai pusat perkembangan bagi memajukan Bahasa Melayu yang telah menjadi Bahasa Rasmi itu supaya dapat di-amalkan dengan sempurna.

Dalam hal ini, tidak payah saya huraikan dengan panjang lebar, saya berseru dengan ayat yang pendek, ia itu mari-lah kita bekerjasama menggunakan Bahasa Melayu dengan sapenoh2nya dalam segala lapangan pekerjaan kita.

Kapada peminat2 bahasa dan sastera di-negeri ini, saya berseru kapada mereka supaya mendampingi diri dengan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka dan memberi sumbangan kerjasama yang erat untuk menabur jasa dan bakti dengan memberikan tenaga dan hasil karya dalam bidang bahasa ada-lah sangat2 di-harapkan untuk di-tatap oleh masyarakat.

Bantuan ini memang-lah sentiasa di-kehendaki oleh bangsa kita yang hauskan ilmu pengetahuan, kerana DI-TANGAN AHLI2 PENCHINTA BAHASA-LAH DI-LETAKKAN HARAPAN INI UNTUK MENGISI JAMBANGAN SASTERA TANAH AYER".

Bangunan Baru D.B.P. Dan J.P.P. Akan Menjadi Bangunan Yang Indah Untuk Kepentingan Ibu Kota Negara — Kata Awang Freitas

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Penyiaran dan Penerangan Brunei, Awang G. V. de Freitas berkata di-majlis Meletakkan Batu Asas Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei pada pagi hari Rabu 29 September, 1965 bahawa hari itu ada-lah hari yang berbahagia — ia itu Hari Perlembagaan dan juga hari yang Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berkenan meletakkan Batu Asas bangunan tersebut.

Dalam masa sa-tahun nanti, kata beliau, akan berdiri-lah bangunan enam tingkat dan akan mengandungi beberapa buah studio dan Pejabat bagi Jabatan Penyiaran dan Penerangan. Ia-nya juga akan menjadi bangunan baru bagi Dewan Bahasa dan Pustaka.

"Sempena dengan kehendak2 Kerajaan, kawasan yang di-lingkungi oleh Jalan2 Sultan, Stoney dan Queen Elizabeth II akan menjadi sa-buah pusat yang akan mengandungi Pejabat2 Pentadbiran yang terpenting. Ia-nya juga akan berupa salah sa-buah ba-

TITAH D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN

(Dari muka 1)

kapada seluruh ra'ayat dan penduduk negeri ini untuk menimbulkan saling pengertian yang sama, pemikiran yang mulia laila berguna dan sa-bagai-nya untuk perpaduan yang kokoh dan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi pada melaksanakan usaha pekerjaan yang kebajikan.

Jabatan Penyiaran dan Penerangan akan menyampaikan, menjelaskan, menghubungkan, menerangkan kapada ra'ayat dan penduduk dalam negeri ini hal-ehwal negara sa-bberapa dapat yang boleh supaya dapat mereka memahami maksud Kerajaan yang mana perkara ini akan mendatangkan kebajikan, kebahagiaan kapada Kerajaan laila negara dan juga kapada mereka sendiri.

Enam tahun yang lampau, pada 29 September, tahun 1959, Negeri Brunei telah melukiskan suatu sejarah kerana sa'at itu-lah Perlembagaan Baru bagi negeri ini telah di-ishtiharkan. Dan pada hari ini ada-lah ulang tahun yang ke-enam dari Perlembagaan itu.

Jabatan2 ini laila merupakan sa-bagai alat yang penting kapada Kerajaan saya dalam laila usaha bagi memajukan negara kita Brunei Darus-salam dan ketua Jabatan ini boleh-lah saya sifatkan merupakan laila panduan kehidupan kapada ra'ayat dan membimbing mereka menuju ka-arrah kesempurnaan ia itu kesempurnaan hidup sa-bagai suatu ra'ayat negara yang chintakan kebebasan dan meng-anut demokrasi yang sehat, perdamaian, keamanan, dan kema'amoran.

Allah Alhamdulillah, Allah Subhanahu Wata'ala telah mengizinkan chita2 kita yang kebajikan seperti jabatan2 ini menggalakkan laila usaha untuk memberikan laila penerangan yang luas kapada penduduk2 dan ra'ayat yang di-kasehi mengenai perjalanan perkembangan usaha yang akan dan yang telah atau yang sudah di-laksanakan oleh Kerajaan semata2 untuk kebajikan, kema'amoran laila aman di-dalam Negara Brunei Darus-salam.

Perpaduan hati seluruh penduduk dan ra'ayat negeri ini yang ta'at setia yang tidak berbelah bahagi ka-arrah kebahagiaan laila munafa'at hendak-lah tetap perdirian dan kokoh bangun pada menghubungkan laila fahaman bagi membantu laila tujuan.

Mudah2an dengan ada-nya bangun-

an baru yang indah bagi Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan ini, saya yakin dan penduduk negeri ini akan dapat menerima laila faedah yang besar dalam memperkembangkan ilmu pengetahuan untuk hidup sempurna dalam dunia moden yang karang ini, sa-bagaimana yang saya jelaskan baru2 tadi.

Akhir-nya saya suka mengulang lagi pesanan saya bahawa berse-suchi pun chita2 kita, berapa besar pun rancangan kita, berapa tinggi pun chadangan kita, perkara ini tidak akan dapat di-chapai faedah-nya dengan ketiadaan keamanan, ketenteraman dan keselamatan kita kawal bersama dengan hati yang jujur, tulus ikhlas semata2 untuk kebajikan yang di-redzai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Sa-bagai penutup saya sekali lagi menyampaikan ucapan terima kasih kapada pehak Pengarah2 Dewan Bahasa dan Pustaka serta Jabatan Penyiaran dan Penerangan kerana usaha mereka dalam melaksanakan kerja, demikian juga kapada ahli2 jabatan masing2 dan kapada sekalian yang hadir hari ini yang bersama-meraikan upacara meletakkan Batu Asas di-majlis ini, maka saya berdoa ka-hadizat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Allah memberikan taufik dan hidayah-nya kapada kita sekalian dan sentiasa memberi rahmat-nya supaya Negara Brunei ini dapat mencapai chita2 ka-jalan kema'amoran dan bahagia dan dalam laila aman.

Dengan nama Tohan yang amat pemurah dan penyayang, saya, dengan sukacita menyampaikan nasehat dan mengakhiri ucapan saya yang sapatah dua tiga tadi dalam majlis ini dengan ucapan shukur dan terima kasih".

KEPUTUSAN PEPEREKSAN TRENGKAS DAN MENAIP

BANDAR BRUNEI. — Keputusan Peperiksaan Trengkas dan Menaip yang telah di-adakan di-Negeri Brunei pada 13 Jun, 1965 di-bawah anjoran Trengkas Melayu Institute Malaysia akan di-siarkan dalam akhbar ini pada hari Rabu, 13 Oktober, 1965.

ramai.

Bangunan baru ini akan memberi kawasan2 luas untuk Pejabat2, studio2 dan auditorium di-mana orang ramai boleh duduk dengan senang-nya menikmati rancangan2 radio, sandiwara dan lain2 pertunjukan seni.

Oleh itu, ada-lah layak bagi bangunan ini di-jadikan sa-bahagian daripada rancangan2 perkembangan yang telah di-umomkan oleh Kerajaan baru2 ini termasuk satu pembinaan patong Sir Winston Churchill sa-bagai memperingatkan beliau. Ramai antara kita maseh ingatkan hari2 yang gelap dalam Perang Dunia Kedua apabila suara-nya mewahyukan dan girang, telah menyuarakan untuk dunia bebas dan ketabahan-nya hendak hidup menentang kesukaran, dari kekuasaan burok dan kejam.

Sa-bagai suara negarawan itu yang telah di-dengari di-seluruh dunia ini melalui penyiaran2 radio, Suara Brunei juga akan terpanchar dari ibu pejabat baru ini yang mana Batu Asas-nya akan di-letakkan hari ini".

UTAMAKAN DI-LAH BAHASA MELAYU


Gambar2 Upachara Meletakkan Batu Asas Bangunan D.B.P. Dan Jabatan P.P.B.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan semasa ketibaan Baginda untuk melaksanakan perletakan Batu Asas Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei pada pagi hari Rabu 29 September, 1965. Di-kanan ia-lah Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Md. Jamil dan di-kiri ia-lah Pengarah Penyiaran dan Penerangan Brunei, Awang G. V. de Freitas.

Gambar yang bersejarah ini diambil, sa-belum Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan "menanam" bahan2 sejarah yang bersangkutan paut dengan perkembangan Dewan Bahasa dan Pustaka di-majlis perletakan Batu Asas Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei baru2 ini.

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun kelihatan dalam gambar ini semasa beliau berucap di-majlis Meletakkan Batu Asas Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei pada 29 September, 1965.



Satu pemandangan di-antara para hadirin di-majlis Meletakkan Batu Asas Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei pada pagi hari Rabu 29 September, 1965. Dari kanan ka-kiri di-barisan hadapan dalam gambar ini ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan; Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F.D. Webber; Isteri Awang Webber dan Pengarah D.B.P. Brunei Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil,

PENERANGAN DAN RADIO MENGGERATKAN HUBONGAN RAA'YAT DAN KERAJAAN

DALAM mengeratkan hubungan antara ra'ayat dengan Kerajaan, Jabatan Penerangan dan Siaran Radio ada-lah mengambil peranan yang utama dimana2 negeri jua dalam dunia ini.

Segala kesulitan dan kesamaran yang di-rasakan oleh ra'ayat mengenai langkah2 Kerajaan dalam lapangan2 tertentu hanya akan dapat di-jernihkan oleh perkhidmatan2 penerangan baik melalui akhbar mahupun siaran radio.

TUGAS PENTING

Tugas Jabatan Penerangan dan Siaran Radio di-anggap penting, kerana ia di-sifatkan sa-bagai alat penyambung "silatul-rahim" antara ra'ayat dengan Kerajaan.

Ia-nya juga merupakan sa-buah alat bagi membimbing ra'ayat ke arah kesempurnaan dan kesejahteraan sesuai dengan peredaran waktu dan zaman.

Ra'ayat buta di-bawa ke-ruang chelek, bisu di-beri cherdek.



Y.M. AWANG G. V. DI FREITAS,
Pengaruh, Penyiaran dan
Penerangan, Brunei.

lemah di-bangkit semangat, samar di-bawa ke-ruang cerah dan begitu-lah sa-terus-nya.

Kesemua ini dengan sa-chara langsung di-pikul oleh jabatan tersebut dengan tidak menyalahi peratoran, undang2 dan perlembagaan negeri, yang jabatan tersebut berkhidmat di-dalam-nya.

BANGUNAN BAHARU

Menyadari akan hal itu, maka Kerajaan Brunei yang di-pimpin oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin dengan tidak banyak bichara, telah meluluskan rancangan bagi mendirikan sa-buah bangunan yang baharu bagi melichinkan perkhidmatan penerangan dan radio di-negeri ini.

Bangunan baharu ini akan di-bena sa-tinggi enam tingkat yang menelan belanja sa-banyak \$11 juta ringgit.

Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei yang baharu saja di-tubuhkan di-negeri ini akan

juga di-tempatkan dalam bangunan yang sama. Dan dengan itu bangunan tersebut di-namakan Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Pada 29 September, 1965 yang baru lalu yang juga merupakan hari Perlembagaan Negeri Brunei, upacara meletakkan batu asas bangunan tersebut telah di-laksanakan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Bangunan yang baru itu di-jangka akan siap di-bena pada hujung tahun hadapan.

Dalam titah ucapan di-upacara itu, Baginda telah mensifatkan bangunan tersebut sa-bagai sa-buah bangunan Jabatan yang penting bagi mengeratkan hubungan antara ra'ayat dengan Kerajaan.

Baginda juga telah menchurahkan harapan supaya kedua2 jabatan yang akan menduduki bangunan itu akan lebih lichin lagi dalam menyempurnakan perkhidmatan masing2 dengan tidak menempoh sa-barang kesulitan.

KESULITAN DI-TEMPOH

Sejak beberapa tahun yang lampau, perkhidmatan2 radio Brunei dan Jabatan Penerangan telah di-jalankan dalam bangunan yang kecil lagi sempit yang menyebabkan beberapa kesulitan telah timbul dan terpaksa di-tempoh oleh pegawai2 di-dalam-nya.

Tetapi dengan bangunan baharu ini akan memberi kawasan2 yang luas untuk pejabat2, studio2 dan sa-buah dewan yang akan memudahkan orang ramai duduk dengan senang bagi menikmati ranchangan2 radio dan pertunjukan2 pentas.

Persediaan2 bagi menyusun pegawai2 yang akan bertugas dalam jurusan2 yang tertentu telah pun di-ator menurut sa-bagaimana sistem yang telah di-gunakan oleh negeri2 yang maju dalam dunia ini.

Beberapa orang pegawai yang baharu dalam lapangan2 tertentu telah pun di-iklankan dan pegawai2 yang memenohi jawatan tersebut telah mula menjalankan tugas mereka masa ini. Besar kemungkinan beberapa



Y.B. DATO PADUKA AWANG HAJI
MD. JAMIL, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

orang pegawai2 yang penting bagi melichinkan perkhidmatan penerangan dan radio akan di-tambah.

Ada-lah tidak dapat di-sangkal lagi bahawa Jabatan Penyiaran dan Penerangan yang ada masa ini telah dapat menjalankan tugas2-nya dengan sempurna, walaupun bilangan pegawai2-nya maseh kekurangan dengan kesulitan2 yang terpaksa di-tempoh.

Tetapi pada masa yang akan datang ini, dapat-lah di-ramalkan bahawa perkhidmatan penerangan,

baik melalui akhbar dan siaran radio akan dapat berjalan dengan lebih lichin lagi dengan sistem baru dan lengkap yang sedang di-ator masa ini.

Bagitu juga hal-nya dengan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei akan dapat memesatkan perjuangan-nya sa-bagai sa-buah Yayasan Bahasa yang bertugas menjalankan mak-sud Kerajaan merasmikan Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi negeri ini menurut chatetan Perlembagaan 1959.

LIMA PRINSIP

Tugas2 itu di-dasarkan atas lima prinsip yang antara-nya mensesuaian pemakaian Bahasa Melayu yang telah di-jadikan Bahasa Rasmi negeri ini mengikut kehendak perlembagaan.

Jabatan ini juga berusaha dan berikhtiar untuk memperkembangkan dan meninggikan bahasa Melayu dan menggalakkan orang2 yang berkebolehan dalam mempelajari Bahasa Melayu.

Menurut tujuan dasar-nya, jabatan ini juga bertanggung jawab bagi menentukan pengeluaran buku2, baik yang merupakan buku2 pelajaran untuk sekolah2, mahupun buku2 bagi bacaan umum.

PERINGKAT PERTAMA

Menilek kepada peranan yang begitu penting dan berat, jabatan ini juga telah menempoh beberapa kesulitan, terutama sa-kali keadaan tempat dan kekurangan kaki tangan.

Namun begitu, kejayaan dalam perjuangan-nya yang merupakan peringkat pertama telah di-chapai dengan lichin-nya sejak jabatan ini di-tubuhkan pada 16 September, 1961.

Perjuangan peringkat pertama-nya itu bagi mendaftarkan Bahasa Melayu di-negeri ini ia-lah dengan mengadakan sambutan "Minggu Bahasa" dan "Bulan Bahasa" dan menerbitkan beberapa buah buku pelajaran Sekolah2 Melayu di-negeri ini.



Dalam gambar ini kelihatan bangunan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei sekarang ini (hadapan). Di-belakang ia-lah bangunan Jabatan Pelajaran dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

MAJLIS MELETAKKAN BATU ASAS BANGUNAN D.B.P. DAN JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah meletakkan Batu Asas bangunan baru Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei dalam satu majlis yang bersejarah pada pagi hari Rabu, 29 September, 1965.

Di-antara para hadirin di-majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun; Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei dan ramai pembesar2 negara.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah di-sambut

ketika Baginda tiba di-majlis tersebut oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar dan oleh Pengarah Penyiaran dan Penerangan Brunei, Awang G. V. de Freitas.

Uchapan2 yang berharga telah

di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Awang G. V. de Freitas; Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Md. Jamil dan Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun.

Sa-lepas itu, Duli Yang Maha Mulia telah di-junjong untuk bertuah.

Kemudian Baginda pun menyempurnakan Istiadat Meletakkan Batu Asas bangunan yang baru itu.

Majlis itu di-akhiri dengan Bacahan Do'a Selamat oleh Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Abang Razali bin Haji Zainuddin.

Keputusan Peraduan Kereta Berhias

Keputusan Peraduan Perarakan Ke-nderaan Berhias bagi menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kali yang ke-49 yang berlangsung pada siang 24 September, 1965 ada-lah seperti berikut: —

Bahagian Kereta Berhias: Pertama - Jabatan Kerja Raya (Workshop). Kedua - Persatuan Murid2 Tua Sekolah Pertukangan; dan Ketiga - Pejabat Museum.

Hadiah2 sagu hati telah juga diberikan kepada pasukan2 Kesatuan Sakerja Jabatan Perubatan & Kesihatan, Pejabat Ukor, Persembahan Orang2 Tiong Hwa Daerah Brunei/Muara dan Sharikat Takehara Ship-pard (Muara).

Bahagian Basikal Berhias: Pertama - Haji Tuah bin Haji Bakar dan Kedua - Ak. Noordin bin Pg. Md. Daud dan Malik bin Haji Ali Ahmad.

Uchapan Pengarah Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei

(Dari Muka 2)

bukan hanya menjadi Bahasa Rasmi, tetapi juga menjadi Bahasa Perpaduan ra'ayat dan penduduk negeri ini.

Dalam pada itu tidak pula kurang-nya kesulitan2 yang di-hadapi. Sa-tengah orang mengatakan bahasa Melayu tidak boleh menjadi bahasa rasmi dan tidak boleh di-gunakan dalam pekerjaan hari2 kerana perka-taan2 dalam bahasa Melayu tidak lengkap dan pengertian-nya tidak tepat. Dan di-katakan pula kalau menggunakan bahasa Melayu pekerjaan tidak boleh berjalan dan kalau berjalan pun akan jadi lambat dan tidak sempurna. Fahaman yang sa-demikian ini pada pendapat patek ada-lah salah.

Bukan bahasa Melayu yang tidak lengkap, bukan bahasa Melayu tidak boleh di-gunakan dalam pekerjaan, bukan bahasa Melayu tidak boleh di-jadikan bahasa rasmi. Yang sa-benar-nya bahasa Melayu boleh di-gunakan untuk perkara2 yang di-sebutkan tetapi, yang tidak mem-bolehkan bahasa Melayu di-gunakan itu ia-lah orang itu tidak tahu ber-bahasa Melayu atau tidak mahu menggunakan bahasa Melayu.

Patek suka juga menyembahkan untuk memberi tahu kepada mereka yang mengatakan bahasa Melayu tidak lengkap, bahasa Melayu tidak boleh di-gunakan untuk pekerjaan itu bahawa bahasa Melayu telah hidup sejak dari beribu2 tahun dahulu. Pada zaman Kerajaan Seri Wijaya kembang dalam K.M. VI — VII — VIII bahasa Melayu pernah menjadi bahasa pengantar dalam satu Sekolah Pengajaran Agama Buddha yang tertinggi di-Palembang. Dan sa-belum K.M. XX beratus2 tahun bahasa Melayu menjadi Linggua Prangka (bahasa perantaraan) di-Alam Melayu.

Akan tetapi apabila pengaruh pen-jajahan barat telah sampai ka-Alam Melayu maka bahasa Melayu-lah yang mula di-lemahkan mereka, supaya senang mereka menyampaikan chita2 penjajahan mereka kerana me-reka faham dan mengerti bahawa hidup dan tegap-nya sesuatu bangsa itu sangat2 bergantung kepada per-kembangan bahasa-nya. Kalau ba-hasa sesuatu bangsa itu kembang maka kemajuan bangsa itu akan me-ngikut sama kerana bahasa itu meng-ambil peranan penting untuk menyatu padukan fikiran, fahaman, perasaan, pengetahuan, pengalaman dan lain2 lagi bagi sesuatu bangsa itu.

Sa-balek-nya kalau bahasa se-muat bangsa itu kuchar kachir maka barang sudah tentu bangsa itu tidak dapat bersatu, kerana fahaman mereka sentiasa berlainan, tidak sama memahamkan sa-suat perkaataan yang di-gunakan oleh sa-saorang itu. Maka dari sejak itu-lah bahasa Melayu telah menjadi sa-makin kabor dan muram kerana isi-nya telah di-champur adokkan oleh pengaruh asing itu sa-hingga menjadi hampir2

tidak bermaya lagi dan merchu-nya yang gemerlapan yang biasa berse-marak itu pun kabor.

Bagitu juga anggota-nya yang biasa mengharong samudera yang luas itu hampir2 kaku dan bangsa-nya yang menjadi penghuni bahasa Melayu itu sejak zaman berzaman turun temurun hampir2 silau melihat chahaya bahasa lain dan sa-tengah-nya pula menjadi sa-akan2 tidak kenal lagi akan bahasa-nya sendiri, kerana kekuatan pengaruh bahasa lain itu.

Ada pula yang mengatakan bahasa Melayu tidak lengkap dengan perka-taan-nya sendiri, bahasa Melayu ter-paksa banyak mengambil perkataan bahasa lain. Pada orang yang sa-demikian ini patek suka menerangkan kepada mereka bahawa tidak ada bahasa yang di-dunia ini suci dari-pada tidak menggunakan bahasa lain. Sedangkan bahasa Inggeris, bahasa yang termashhor terkenal di-dunia ini juga mengambil bahasa lain.

Barangkali hampir sa-paroh bahasa Inggeris itu asal-nya dari bahasa Latin, Perancis, Jerman, Sepanyol, Belanda, Arab, dan juga termasuk bahasa Melayu. Kalau patek beri tahu kepada para hadirin ini bahawa bahasa Inggeris compound itu berasal dari bahasa Melayu kampong, barang-kali para hadirin terpanjat tetapi kalau ta' perchaya chuba lihat kamus Oxford para hadirin akan terjumpa asal perkataan itu.

Tetapi Allah Subhanahu Wata'ala maha kaya, ia mashe belum meng-habiskan nafas bahasa Melayu, ia mashe belum memutuskan riwayat hidup bahasa Melayu, ia mashe kaseh

kapada hamba-nya bangsa Melayu. Bahasa Melayu yang hampir akan terbenam itu di-hidupkan-nya semula dan di-tumbuhkan-nya semula, men-jadi kembang Melati untuk pujaan bangsa Melayu dan seperti yang kita ketahui ia kembali menjadi bahasa rasmi negara seperti yang telah ter-sebut dalam Perlembagaan negara ini.


Sa-bagai sempena Kebawah Duli Tuan Patek meletakkan batu asas bangunan ini, patek mengambil pe-luang yang ke-emasan berdo'a kapada Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan yang maha kuasa, Tuhan yang maha mengetahui semoga bangunan ini di-berkati Allah, sentiasa di-chuchori rahmat dan bahasa Melayu yang men-jadi bahasa rasmi dan bahasa kebang-saan negeri ini akan tumbuh dengan subur dan sentiasa bersemarak di-seluruh pelusok negara, di-gunakan oleh seluroh ra'ayat dan penduduk negeri ini dan di-chintai mereka sa-bagai bahasa kebangsaan dan sa-bagai bahasa rasmi.

Dan semoga juga dengan meng-ambil sempena hari yang bersejarah dan berkat daulat, pemakaian bahasa Melayu di-kalangan Jabatan2 Ke-rajaan, di-kalangan sharikat2 perniagaan, di-dalam perbualan hari2 akan bertambah jaya dan di-amalkan oleh pekah yang bersangkutan. Dan juga semoga Tuhan akan membuka-hati hati orang2 yang keras hati tidak mahu menggunakan bahasa Melayu atau orang2 yang pura2 tidak tahu bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi negeri ini supaya mereka sadar dan insaf, beraleh fikiran rujok kepada yang benar menyokong dan meng-

amalkan pemakaian bahasa Melayu. Dan kalau-lah ada mashe tersimpan di-dalam hati mereka hendak meng-hina2kan bahasa Melayu ini semoga Tuhan membersehekan hati mereka itu.

Sa-telah itu patek akhiri ucapan patek ini dengan menyembahkan sa-kali lagi ucapan terima kasih yang tidak berkesudahan di-atas limpah kornia tuan patek berchemar duli meletakkan batu asas bangunan ini patek berdo'a kapada Allah s.w. mudahan2 Tuhan membalas limpah kurnia tuan patek itu dengan ke-bajikan berserta pula keluarga tuan patek sentiasa berada di-dalam sehat wal'afiat, aman sentosa di-dalam pe-liharaan Allah s.w. kekal karal me-merentah Negeri Brunei Darussalam ini amin, dan patek menguchapkan terima kasih juga kepada Pesuruh Jaya Kemajuan kerana mengusahakan ranchangan ini, kapada Dr. J. S. Gould kerana nasihat2-nya yang ber-harga, kapada Jurutera Negara kerana kerjasama-nya, kapada James Cubitt, Leonard Manasseh dan Pakatan ke-rana membuat peta2 bangunan ini, kapada pemborong2 yang telah dan akan mengerjakan bangunan ini, dan kapada sekalian yang hadir kerana menghadziri istiadat ini sa-bagai men-do'akan bersama semoga bangunan dan perkembangan bahasa di-berkati Allah.

Dalam gambar ini kelihatan bahan2 sejarah yang ada perhubungan-nya dengan perkem-bangan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei "di-tanam" oleh D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan di-upacara meletakkan Batu Asas Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei pada 29 September, 1965.



Tun Razak Berharap Perhubungan Baik Antara Brunei Dan Malaysia Akan Terus Berkembang

BANDAR BRUNEI. — Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak bin Hussain berkata bahawa Malaysia sentiasa bersedia untuk menghantar sa-besapa banyak ubat atas permintaan Kerajaan Brunei bagi menentang wabak kolera yang sedang menyeyang negeri ini.

Dalam sidang akhbar di-Lapangan Terbang Brunei pada 2 Oktober yang baru lalu, Tun

Pilehan Raya M.M.D.
BRUNEI/MUARA

WAKIL PENGKALAN BATULETAK JAWATAN

BANDAR BRUNEI. — Satu Pilehan Raya Kechil Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara bagi kawasan Pengkalan Batu akan diadakan sedikit hari lagi.

Perkara itu ada-lah di-sebabkan wakil kawasan Pengkalan Batu dalam Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Baha bin Haji Kamis telah meletak jawatan.

Sementara itu Surohanjaya Pilehan Raya Negeri Brunei telah menetapkan 16 Oktober, 1965 sa-bagai Hari Menamakan Chalun Pilehan Raya Kechil bagi kawasan tersebut.

Sa-kira-nya ada pertandingan, maka Hari Mengundi di-tetapkan pada 13 November, 1965.

HARI MENGUNDI KAWASAN PEKAN BRUNEI — 23 OKTOBER

BANDAR BRUNEI. — Hari Mengundi Pilehan Raya Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara bagi Kawasan Pekan Brunei sa-bagaimana yang telah di-tetapkan oleh Surohanjaya Pilehan Raya Negeri Brunei ialah hari Sabtu 23 Oktober, 1965.

Dalam Pilehan Raya tersebut, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud akan melawan Awang Haji Mohamed bin Haji Bakar.

Pilehan Raya tersebut akan di-adakan di-sebabkan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Limbang telah meletakkan jawatan.

KOLERA BERLAKU DI-LIMBANG

LIMBANG. — Penyakit kolera telah di-sahkan berlaku di-Limbang baru2 ini.

Oleh sebab itu, orang2 di-Brunei ada-lah di-nasihatkan supaya jangan berulang alek antara Brunei dan Limbang.

Razak menyatakan bahawa Malaysia telah pun membekalkan sa-jumlah besar ubat kolera kepada Brunei sa-jurus sahaja sa-lepas wabak kolera itu berlaku.

Tun Razak yang tiba di-sini dari Limbang dalam perjalanannya ka-Miri pada hari itu, telah sempat mengadap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Istana Darul Hana.

Perjumpaan sa-chara muhibbah itu telah berjalan sa-lama 45 minit.

Mengenai perhubungan antara Brunei dan Malaysia, Tun Razak mengharapkan supaya perhubungan baik yang ada sekarang antara kedua2 buah negeri tersebut akan terus berkembang.

Tun Razak singgah di-Brunei ada-lah dalam rangka lawatannya ka-Sarawak sa-lama 10 hari bagi menerangkan sebab2 Singapura berpisah dari Malaysia.

ORANG2 DI-BRUNEI YANG MENGIDAP KOLERA BERKURANGAN

BANDAR BRUNEI. — Jumlah orang yang di-masokkan ka-Rumah Sakit kerana mengidap penyakit kolera sangat berkurangan pada masa sekarang.

Kira2 88,000 orang telah di-suntik di-seluruh Negeri Brunei.

Bagaimana pun, langkah2 menentang penyakit kolera itu mesti-lah jangan di-kendorkan, atau



Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak kelihatan semasa beliau mengadap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Istana Darul Hana pada hari Sabtu yang lalu.

TAWARAN J. K. R.

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei sa-hingga jam 4-00 petang pada hari Ithnin 11 Oktober, 1965 bagi:—

MENGADAKAN TIGA LAND ROVER JENIS LONG WHEEL BASE PATROL BESERTA KERUSI PEMANDU, ATAP CANVAS DAN DINSING (SIDE SCREEN).

2. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

3. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

4. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

5. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya:

"MENGADAKAN TIGA LAND ROVER".

6. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sebarang tawaran.

GAMBAR BAWAH: Awang Richard Chang, sa-orang Ahli Jawatan Kuasa Temasha Perlumbaan Perahu Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Daerah Belait kelihatan menziarahi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan sa-lepas beliau menyembahkan sa-buah Oskar yang beliau sendiri hadiahkan kabawah Duli Yang Maha Mulia sa-baik sahaja selesai Perlumbaan Perahu antara Pasokan

yang di-Ketuai oleh Baginda dan lain2 pasokan di-temasha Perlumbaan Perahu itu di-Sungai Belait pada pagi hari Juma'at 24 September, 1965.

GAMBAR YANG PANJANG: Ini-lah Oskar sa-bagai chenderamata yang di-hadiahkan oleh Hartawan Awang Richard Chang ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-temasha Perlumbaan Perahu di-Kuala Belait pada 24 September, 1965.

